

19 OCT 2001

BELANJAWAN-SEKTOR SWASTA

TEMPOH PELABURAN SEMULA DILANJUTKAN KEPADA 15 TAHUN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini berkata tempoh elaun pelaburan semula dilanjutkan daripada lima tahun kepada 15 tahun.

Beliau berkata ini akan menjadi daya tarikan kepada pelabur-pelabur sedia ada untuk terus membuat pelaburan semula dalam pembesaran, modenisasi, automasi dan pelbagaian projek selain daripada menarik pelabur baru.

Setakat ini, Kerajaan telah meluluskan 20 projek dengan pelaburan sebanyak RM33 bilion di bawah pakej galakan istimewa, terutamanya bagi projek-projek petrokimia dan elektronik.

Dr Mahathir, yang juga merupakan Menteri Kewangan berkata, "Sektor swasta perlu didorong semula untuk menjadi pemangkin utama pertumbuhan ekonomi."

Ini ialah kerana, dalam tempoh jangka panjang, pertumbuhan ekonomi tidak boleh terus bergantung hanya kepada pelaburan sektor awam menerusi rangsangan fiskal.

Pertumbuhan ini juga tidak hanya boleh bergantung kepada aliran masuk pelaburan asing langsung, berikutan kemudah ruapan dan saingan sengit daripada negara-negara lain seperti China dan Amerika Latin. Sektor swasta telah terjejas teruk oleh kelembapan ekonomi global.

Dr Mahathir berkata sumbangan sektor awam kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merosot kepada 12.8 peratus berbanding dengan 32 peratus sebelum krisis kewangan.

Dalam pada itu, beliau berkata yang usaha-usaha untuk menarik pelaburan kian mencabar.

Dalam hal ini, beliau berkata kerajaan telah menerima banyak cadangan supaya cukai korporat dikurangkan. "Bagaimanapun, kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkannya memandangkan kadar itu masih lagi kompetitif berbanding dengan kebanyakan negara ASEAN, Asia dan juga beberapa negara maju lain."

Sebagai tulang belakang pertumbuhan sokongan industri-industri besar, beliau menggesa supaya syarikat-syarikat kecil dan sederhana menyertai Rangkaian Pengurusan Rantai Bekalan Global (Global Supply Chain Management Network) bagi perolehan, pengeluaran dan pengurusan logistik secara dalam talian ataupun tepat masa (real time).

Untuk menggunakan rangkaian ini, syarikat-syarikat kecil dan sederhana perlu menggunakan kod pesanan guna sama berasaskan internet seperti RosettaNet, untuk berhubung terus dengan pembekal global.

Bagi membangunkan RosettaNet, geran sebanyak RM5.0 juta telah disediakan.

"Di samping itu, saya mencadangkan kos perbelanjaan syarikat multinasional dalam menerajui program ini bagi faedah syarikat kecil dan sederhana diberi potongan bagi tujuan cukai pendapatan," kata beliau.

Bagi meningkatkan lagi penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang industri dan perniagaan, khususnya dalam sektor peruncitan, beliau berkata kerajaan telah melancarkan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan atau PROSPER.

Dr Mahathir berkata skim ini bertujuan membantu pengusaha kecil Bumiputera yang dikenal pasti menghadapi masalah kekurangan modal, kesulitan mendapat premis atau lokasi yang sesuai serta kelemahan

pengurusan.

"Sehingga 8 Okt, 2001, PROSPER telah berjaya melatih seramai 2,997 usahawan Bumiputera dalam sektor peruncitan. Sebanyak 82 cadangan perniagaan telah diluluskan, di mana 12 daripadanya adalah bekas tentera."

Untuk tahun 2002, beliau berkata seramai 250 lagi usahawan Bumiputera akan dilatih.

"PROSPER bukanlah skim cepat kaya tetapi adalah satu skim yang serius untuk perniagaan jangka panjang yang boleh berkembang jika diurus dengan baik," kata beliau. -- BERNAMA

SM/NN KTC AA